

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada **Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai tender seperti berikut :

NO. TENDER	TAJUK TENDER	TARAF	TARIKH DOKUMEN TENDER DIJUAL, TARIKH TUTUP TENDER & NO. PETI TENDER	WAKTU JUALAN, TEMPAT DOKUMEN TENDER DIJUAL & TEMPAT TUTUP TENDER	LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM)	BAYARAN DOKUMEN
UTM.B 14/2022	CADANGAN KERJA PENGGANTIAN PENDINGIN HAWA DI ARAS 2, 3 DAN 4 SERTA BUMBUNG DAN SILING BANGUNAN PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH (BLOK PA6) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KUALA LUMPUR	Terbuka	Tarikh Pamer Naskah Meja : 01 DISEMBER 2022 Tarikh Jual Tender : 05 DISEMBER 2022 hingga 20 DISEMBER 2022 Tarikh Tutup Tender : 27 DISEMBER 2022 Tarik Taklimat dan Lawatan Tapak : 05 DISEMBER 2022 (ISNIN) WAJIB No. Peti Tender : No.1	Waktu Pejabat : Isnin - Khamis 9.00 pagi hingga 3.00 petang Jumaat 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari Tempat Jual tender : Unit Kontrak, Aras 4, Blok PA Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), UTM Kuala Lumpur Tempat Tutup Tender : Unit Kontrak, Aras 4, Blok PA Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), UTM Kuala Lumpur	LPIPM Gred : G5 Kategori : ME (Mekanikal) Pengkhususan : MO1 - SISTEM HAWA DINGIN DAN PENGEDARAN UDARA	RM300.00 senaskah (Tidak akan dikembalikan) Pembayaran boleh dibuat menggunakan Deraf Bank atas nama Bendahari Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur atau secara atas talian melalui pautan : https://ecommerce.utm.my/v/3/  *Manual Pembayaran Dokumen Tawaran Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur

Iklan Tender juga boleh dilihat dipautan :
i) <https://ecommerce.utm.my/etender>

2. Dokumen Tawaran boleh didapati dengan mengemukakan **Deraf Bank** atas nama **Bendahari Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur** atau secara atas talian melalui pautan : **<https://ecommerce.utm.my/v3/>** (tidak dikembalikan) dan hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam **Surat Pendaftaran Asal (LPIPM, Pusat Khidmat Kontraktor)** sahaja. Kontraktor hendaklah membawa bersama **resit asal pembayaran, Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta satu set salinan fotostat bagi kesemua dokumen tersebut semasa membeli dokumen tawaran.

3. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender No. 1 di Unit Kontrak, Aras 4, Blok PA, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur** tidak lewat dari tarikh dan masa tutup iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.

4. Petender adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri satu taklimat dan lawatan ke tapak bina yang akan diadakan pada **05 DISEMBER 2022 (ISNIN) jam 10.00 pagi di Dewan Jumaah, Blok PA1**. Kontraktor boleh terus menghubungi Pegawai bertanggungjawab iaitu **ENCIK MUZZAM BIN MAZLAN di talian 03 - 2615 4902 atau 03-2615 4521**. Dokumen tawaran boleh dibeli selepas taklimat dan lawatan tapak. Hanya penama di dalam sijil pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak serta tidak boleh mewakili pegawai lain selain daripada penama yang dibenarkan. Hanya kontraktor yang hadir taklimat dan lawatan tapak sahaja layak membeli dokumen. Petender diingatkan supaya mengambil maklum mengenai maklumat yang terdapat pada iklan ini sebelum membuat bayaran pembelian dokumen.